

Mangsa diekori sejauh 18km oleh tiga buah kereta sebelum dibelasah dengan kayu besbol

Samseng Singapura pukul jurutera

Oleh WAN NOR ZURAIHAH WAN ALI

ISKANDAR PUTERI – Pada awalnya, sepasang suami isteri yang baru memandu keluar dari Singapura melalui Laluan Kedua Malaysia-Singapura (Linkedua) dekat Tanjung Kupang menuju ke pusat bandar Johor Bahru tidak menaruh sebarang syak terhadap tiga buah kereta termasuk sebuah kereta mewah jenis BMW yang mengekori mereka kira-kira pukul 1.30 pagi semalam.



NOOR HASHIM

Namun, ketika membayar tol di Plaza Tol

Tanjung Kupang, suspek yang berada di dalam kereta BMW itu telah memberi isyarat 'keras' kepada mangsa agar memberhentikan kenderaan di tepi jalan.

Bagaimanapun, disebabkan takut dan mahu mengambil langkah berhati-hati, mangsa tidak mepedulikan arahan lelaki tersebut.

Tindakan itu menyebabkan suspek bearing lalu menakut-nakutkan mangsa dengan menunjukkan sebatang kayu seakan-akan pemukul bola besbol.

Ketua Polis Daerah Iskandar Puteri, Superintendent Noor Hashim Mohamad berkata, pasangan suami isteri itu yang sudah berasa cemas ketika itu meneruskan perjalanan sehinggalah sampai di sebuah stesen minyak di Hentian Rehat dan Rawat (R&R) Gelang Pa-



SALAH sebuah stesen minyak berdekatan dengan R&R Gelang Patah lokasi mangsa diserang oleh sekumpulan lelaki yang dipercayai warga Singapura semalam.

KANAN: CONTOH kayu besbol yang digunakan suspek untuk memukul mangsa.

kosmo
18/12/16
~153

tah arah utara.

Jarak di antara Plaza Tol Tanjung Kupang dengan R&R tersebut kira-kira 18 kilometer.

"Di situ, mereka dihampiri lima lelaki dan mangsa (lelaki) telah dipukul pada kepala dan dahi dengan kayu besbol sehingga berdarah.

"Isteri mangsa yang menyaksikan kejadian menjerit meminta tolong daripada



orang ramai menyebabkan kesemua suspek melarikan diri," katanya pada sidang akhbar selepas Program Pencegahan Jenayah di sebuah pasar raya di Bukit Indah di sini semalam.

Katanya, mangsa berusia 40 tahun tersebut merupakan warga tempatan yang bekerja sebagai jurutera di sebuah syarikat di Kota Singa sementara isterinya berusia 38 tahun yang menemaninya merupakan warga Singapura.

Susulan kes itu, Hashim berkata, polis giat memburu lima lelaki dipercayai warga Singapura kerana disyaki terlibat dalam insiden berkenaan.

Beliau berkata, mereka yang berusia dalam lingkungan 30-an itu menggunakan kenderaan (Honda Civic dan BMW) bernombor pendaftaran Singapura.

"Polis sedang meniasat motif sebenar kejadian dengan beberapa saksi telah diambil keterangan. Kes disiasat di bawah Seksyen 324 Kanun Keseksaan.

"Namun, kita tidak ada rakaman televisyen litar tertutup (CCTV) kerana tiada CCTV di lokasi kejadian," katanya.